

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI (JELUTONG)**

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 6,877 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan tangkapan sebanyak 22,671 orang PATI dan 389 orang majikan. Manakala, bermula 1 Januari hingga 25 November 2021, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan 4,453 operasi penguatkuasaan melibatkan tangkapan 15,545 orang PATI daripada pelbagai negara dan 170 majikan.

SOALAN NO : 26

Jabatan Imigresen Malaysia turut bekerjasama dengan Angkatan Tenteran Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain agensi penguatkuasaan dalam melaksanakan Op Benteng di bawah *National Task Force* (NTF) yang diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara. Op Benteng dilaksanakan di sempadan-sempadan negara bertujuan menghalang kemasukan PATI di negara ini melalui laluan yang tidak diwartakan. Berdasarkan rekod Op Benteng oleh NTF dari 1 Mei 2020 sehingga 1 Disember 2021, seramai 16,923 orang PATI telah ditangkap.

Selain itu, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia untuk mengatasi masalah kemasukan PATI ke Malaysia adalah:

- (i) melaksanakan operasi penguatkuasaan dari semasa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- (ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing, institusi yang mengambil pelajar antarabangsa, kawasan pasar dan pasar borong serta kawasan kediaman rakyat tempatan;
- (iii) memperketat kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara; dan
- (iv) memastikan pelawat-pelawat asing ke negara ini diwajibkan mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping semakan dibuat agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri disepanjang masa berada di negara ini.